

**AMALAN LINUS SEKOLAH KEBANGSAAN  
DI ZON PARIT BUNGA, DAERAH MUAR**

**EVELYN WONG PO LIN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**AMALAN LINUS SEKOLAH KEBANGSAAN  
DI ZON PARIT BUNGA, DAERAH MUAR**

**EVELYN WONG PO LIN**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan Dan Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**JANUARI 2014**

## **DEDIKASI**

**Ditujukan Teristimewa kepada:**

Ayah dan ibu tercinta yang sentiasa merestui, memberi dorongan  
dan mendoakan kejayaanku.

**Wong Wing Kong & Lee Ah Choo**

## **PENGHARGAAN**

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberi kekuatan kepada saya bagi menyiapkan kajian yang bertajuk “Amalan LINUS Sekolah Kebangsaan Di Zon Parit Bunga, Daerah Muar”.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek sarjana saya iaitu Tn. Hj. Hassan Bin Hushin yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat, pandangan dan idea serta sokongan bagi saya menyiapkan projek sarjana ini. Segala ilmu dan pengalaman yang saya dapati melalui kajian ini akan dijadikan panduan dalam kerjaya saya ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua FasiLINUS, Pejabat Pelajaran Daerah Muar yang sudi melibatkan diri secara langsung dalam proses mendapatkan data-data penting berkaitan LINUS. Saya turut ingin mengucapkan beribu terima kasih kepada Penyelaras LINUS Daerah Muar dan guru-guru LINUS yang terlibat sebagai responden kajian.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua ibu dan ayah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dari awal kajian sehingga akhir kajian ini.

Sekian. Terima Kasih.

EVELYN WONG PO LIN  
20 JANUARI 2014

## **ABSTRAK**

Program LINUS merupakan salah satu daripada National Key Result Area (NKRA) Kementerian Pelajaran Malaysia. LINUS ialah akronim kepada saringan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Screening). LINUS ialah satu program pemulihan yang direka bentuk untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi (Matematik) di akhir tiga tahun persekolahan pada pendidikan rendah. LINUS disasarkan kepada murid yang mempunyai masalah dalam membaca, mengira dan menulis (3M). Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat amalan pengurusan iaitu pengurusan LINUS Sekolah Kebangsaan di Zon Parit Bunga di Daerah Muar. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif iaitu di kalangan guru-guru LINUS Sekolah Kebangsaan di Zon Parit Bunga di Daerah Muar. Pengumpulan data daripada sampel kajian dilakukan melalui borang soal-selidik dan kaedah penyelidikan yang digunakan berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian berkenaan dengan amalan LINUS melibatkan beberapa dimensi iaitu pengurusan matlamat, pengurusan komunikasi LINUS sekolah, pengurusan penyeliaan dan penilaian LINUS, pengurusan kurikulum, pengurusan pemantauan kemajuan murid dan pengurusan pembelajaran dan pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa min dan sisihan piawaian bagi setiap dimensi pengurusan LINUS adalah tinggi. Secara kesimpulan, pengurus sekolah hendaklah sentiasa membincangkan masalah bersama guru dan murid LINUS.

## **ABSTRACT**

LINUS programme is part of the National Key Result Area (NKRA) introduced by the Ministry Of Education. LINUS is an acronym to the Literacy and Numeracy Screening. It is a remedial programme designed to enable pupils to master the basic of literacy in the Malay Language and numeracy (Mathematics) at the end of their first three years in primary school. This programme is targeted to pupils with disabilities in reading, counting and writing. This research is carried out with the aim to measure the level of management in conducting LINUS in primary school in the Parit Bunga Zone in Muar. A descriptive research is carried out among the LINUS teachers. The LINUS teachers are required to answer questions in the form of questionnaire. There are a few dimensions involved such as the management of objectives, management of communication, management of supervision and evaluation, management of curriculum, management of pupils achievement and management of teaching and learning. The research shows that the mean and standard deviation for each elements are encouraging. As a conclusion, the management needs to continue to discuss with teachers to minimize the LINUS students.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	JUDUL	
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGAKUAN	
	DEDIKASI	
	PENGHARGAAN	
	ABSTRAK	i
	ABSTRACT	ii
	KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	vii
	SENARAI LAMPIRAN	ix
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	12
	1.4 Objektif Kajian	15
	1.5 Persoalan Kajian	15
	1.6 Kepentingan Kajian	16
	1.7 Batasan Kajian	16
	1.8 Definisi Istilah	17
	1.9 Kesimpulan	19

<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Pengurusan Literasi	
2.2.1	Pengurusan Literasi	20
2.2.2	Strategi Pengurusan LINUS	21
2.2.3	Saringan	21
2.2.4	Latihan Guru	23
2.2.5	Permasalahan Dalam Kemahiran Membaca dan Menulis	25
2.2.6	Pengurusan Bilik Darjah	26
2.2.7	Pengurusan Bahan Bantu Mengajar	28
2.2.8	Konsep Pembelajaran Masteri	30
2.2.9	Teori Keperluan Maslow	33
2.2.10	Teori Kecerdasan Pelbagai	34
2.3	Kajian Lepas	36
2.4	Kesimpulan	38
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	40
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	42
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Prosedur Dan Pengumpulan Data	46
3.7	Penganalisan Data	47
3.8	Kajian Rintis	49



3.9 Kesimpulan	51
----------------	----

## BAB 4

### ANALISA DATA

4.1 Pengenalan	52
4.2 Taburan Pengagihan Borang Soal-selidik	52
4.3 Latar Belakang Responden	53
4.3.1 Jantina	54
4.3.2 Bangsa	54
4.3.3 Umur	55
4.3.4 Taraf Perkahwinan	56
4.3.5 Jawatan Yang Disandang	56
4.3.6 Tempoh Berkhidmat Di Sekolah Ini	57
4.3.7 Kelayakan Akademik Tertinggi	58
4.3.8 Kelayakan Akademik Ikhtisas	59
4.4 Data Berdasarkan Persoalan Kajian 1	60
4.4.1 Analisa Persoalan Kajian 1	60
4.5 Analisa Temubual Bertulis Bagi Pengurusan LINUS Di Sekolah	75
4.6 Cadangan Penambaihan Pengurusan LINUS di sekolah	79
4.6 Penutup	80

## BAB 5

### RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	81
5.2 Persoalan Kajian	81
5.3 Perbincangan Hasil Kajian	82

5.3.1 Maklumat Latar Belakang Responden	82
5.3.2 Analisis Persoalan Kajian 1	84
5.3.3 Analisis Persoalan Kualitatif Kajian 2	84
5.3.4 Analisis Persoalan Kualitatif 3	87
5.4 Cadangan Penambahbaikan	88
5.5 Cadangan-cadangan Kajian Lanjutan	89
5.6 Penutup	90
RUJUKAN	91
LAMPIRAN	94
SOAL SELIDIK	97

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS (LITERASI) Daerah Muar-Semua Jenis Sekolah	8
1.2	Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS (NUMERASI) Daerah Muar-Semua Jenis Sekolah	8
1.3	Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS Daerah Muar- Semua Jenis Sekolah	9
2.1	Konstruk Program LINUS	22
3.1	Senarai Sekolah Terpilih Untuk Tujuan Kajian	43
3.2	Taburan Item Soal-selidik Mengikut Aspek Kajian	45
3.3	Indikator Skala Likert Dalam Kajian	46
3.4	Tahap Analisis Data	48
3.5	Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	48
3.6	Analisis pekali Kebolehpercayaan Alpha-Cronbach	50
4.1	Taburan Pengagihan Soal Selidik Kajian	53
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	54
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	54
4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	55
4.5	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	56

4.6	Taburan Responden Mengikut Jawatan Yang Disandang	56
4.7	Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat Di Sekolah Ini	57
4.8	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi	58
4.9	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	59
4.10	Dimensi Pengurusan Matlamat	62
4.11	Dimensi Pengurusan Komunikasi LINUS Di Sekolah	64
4.12	Dimensi Pengurusan Penyeliaan dan Penilaian LINUS Di Sekolah	66
4.13	Dimensi Pengurusan Kurikulum	68
4.14	Dimensi Pemantauan Kemajuan Murid	70
4.15	Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran	73
4.16	Dimensi Min Dan Sisihan Piawaian Bagi Setiap Dimensi Pengurusan	75
4.17	Persoalan Kajian, Tema Dan Kaedah Berkenaan Dengan Pengurusan LINUS	76

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Surat Kebenaran Daripada EPRD	94
B	Surat Kebenaran Daripada UTM	95
C	Surat Kebenaran Daripada Pejabat Pelajaran Daerah Muar	96
D	Borang Soal-Selidik	97

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Organisasi sekolah merupakan sebuah organisasi formal yang bertanggungjawab menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara. Sekolah merupakan sebuah organisasi pendidikan yang diselenggarakan oleh golongan pendidik yang berinteraksi melalui suatu proses berstruktur untuk mencapai hasrat dan Falsafah Pendidikan Negara. Dengan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Program LINUS untuk meningkatkan literasi di kalangan murid-murid sekolah rendah yang merupakan aset negara pada masa akan datang.

Program LINUS merupakan salah satu daripada National Key Result Area (NKRA) Kementerian Pelajaran Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari bahawa isu asas Literasi dan Numerasi masih belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun telah dilaksanakan pelbagai program pemulihan. Program Literasi dan Numerasi merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada dan dirancang dengan lebih teliti dan sistematik.

LINUS ialah akronim kepada saringan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Screening). LINUS ialah satu program pemulihan yang direka bentuk untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi (Matematik) di akhir tiga tahun persekolahan pada pendidikan rendah. LINUS disasarkan kepada murid yang mempunyai masalah dalam membaca, mengira dan menulis (3M). Literasi ditakrifkan sebagai keupayaan

untuk membaca, menulis dan memahami perkataan dan ayat yang mudah dan kompleks dalam Bahasa Malaysia dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Numerasi ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis, mengira dan menyusun nombor sehingga 1000, menjadi cekap dalam operasi matematik seperti menambah, menolak, mendarab dan membahagi dan dapat mengaplikasikannya dalam operasi wang, masa dan ukuran panjang.

Program LINUS berfokus kepada intervensi awal (Tahun 1-3) untuk literasi dan kemahiran numerasi. Program intervensi yang lain hanya fokus kepada kemahiran literasi (KIA2M) pada murid tahun 4 hingga 6 (Protim). Sokongan profesional untuk guru LINUS melalui fasilitator berdedikasi dikenali sebagai FasiLINUS ditempatkan di semua Pejabat Pelajaran Daerah. Satu FasiLINUS akan menyelia tiga puluh buah sekolah. Pengurusan dan penyeliaan didesentralisasi ke Pejabat Pelajaran Daerah dan dipantau oleh Jemaah Nazir. Sebelum ini perkara ini tidak dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru terbaik kini akan ditempatkan pada Tahun 1 dan 2 iaitu semenjak dari program LINUS (bukan hanya di kelas peperiksaan iaitu tahun 6). Guru pemulihan LINUS tambahan seramai 3, 246 orang untuk membantu sekolah dalam mengatasi masalah pemulihan LINUS di sekolah.

Program LINUS yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia amat penting bagi memastikan setiap kanak-kanak berjaya menguasai kemahiran asas Literasi (LINUS). Program LINUS ini juga merupakan program yang diadakan bagi mengelakkan keciciran murid dalam pelajaran. Oleh yang demikian, pelbagai program telah dirancang untuk memantapkan sistem pendidikan di negara kita. Program LINUS ini juga mustahak agar keberhasilan pelajar dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyasarkan bahawa semua pelajar yang ada masalah pembelajaran berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi sebelum berakhir persekolahan Tahap 1. Sasaran NKPI tersebut telah mula dilaksanakan pada tahun 2010 yang melibatkan murid Tahun 1 di sekolah rendah. Kohort pertama program LINUS dijangka akan mencapai sasaran 100% pada tahun 2012 (kecuali murid berkeperluan khas). Penguasaan kemahiran literasi akan

mengupayakan murid-murid supaya lebih produktif dan berkeyakinan untuk menyertai komuniti setempat dan masyarakat keseluruhannya.

Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan Program LINUS iaitu asas literasi. Justeru Guru Besar sebagai pengurus dan pemimpin perlu melaksanakan proses perubahan yang berkesan melalui penambahbaikan dalam pengurusan pentadbirannya. Oleh itu, Guru Besar sebagai pengurus dan pemimpin utama di sekolah berperanan merealisasikan hasrat Kementerian Pelajaran.

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Literasi dan numerasi merupakan asas kemahiran yang diperlukan untuk masa depan murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke tahap pendidikan yang lebih tinggi. Kemahiran literasi dan numerasi merupakan satu aspek implisit untuk mendapatkan keperluan asas pendidikan. Sejumlah besar populasi murid masih tidak mempunyai asas kemahiran literasi dan numerasi. Seramai 54,000 murid tahun 1 tidak menguasai kemahiran asas literasi berdasarkan KIA2M pada tahun 2008. Seramai 117,000 murid tahun 4 tidak menguasai kemahiran numerasi berdasarkan PROTIM pada tahun 2008. Kadar keciciran di Malaysia ialah 31,939 pada tahun 2008 (sekolah rendah dan menengah).

Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri kearah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca. Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk



dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca.

Sementara itu, kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audien dan gaya penulisan. Sehubungan itu, keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu dalam mata pelajaran tertentu.

Berdasarkan Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (2003), bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan. Dengan ini, guru seharusnya memahami keperluan konsep pemulihan di dalam bilik darjah bagi mengatasi permasalahan menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar. Pelbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama Jabatan Pelajaran Negeri dengan Pejabat Pelajaran Daerah bagi merangka program kecermerlangan murid contohnya Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS), dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROTIM). Melalui program yang dirancang diharapkan dapat membantu serta memenuhi keperluan murid-murid ini. Program pemulihan merupakan satu pendekatan bagi mengatasi murid-murid yang mengalami kelemahan kemahiran yang tertentu. Perhatian guru yang serius dalam memenuhi tuntutan murid ini dapat membantu mengembangkan dan meningkatkan keyakinan murid tersebut untuk bersaing dengan rakan mereka yang cerdas.

Dalam usaha mempertingkatkan kemahiran bahasa murid-murid ini, guru mempunyai peranan yang besar. Guru sebagai pelaksana kurikulum perlu mengambil berat tentang objektif kurikulum yang digubal bagi membolehkan hasrat kerajaan tercapai. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan projek untuk meninjau keperluan pengajaran pemulihan, iaitu melalui Program KIA2M (Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis) mengesahkan bahawa keperluan murid-murid yang terlibat. Namun sekarang program ini diberi perubahan tetapi mempunyai matlamat yang sama, iaitu Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang telah dicadangkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 15 Januari 2010. Program ini memberi penekanan kepada literasi Bahasa Melayu, iaitu lisan, bacaan dan tulisan serta ditambah dengan kemahiran asas kiraan serta memahami idea matematik yang mudah.

Pada tahun 2010 satu saringan literasi telah dijalankan. Terdapat seramai 6,297 kemasukan orang murid ke Tahun 1. Daripada jumlah ini, terdapat sebanyak 6,263 orang murid yang menduduki saringan 1. Daripada dapatan, didapati bahawa seramai 2,724 orang murid yang lulus saringan 1 dan ditempatkan di kelas perdana. Manakala seramai 2,263 orang murid adalah murid LINUS dan sebanyak 1,276 orang murid adalah murid tegar. Untuk saringan yang kedua, terdapat seramai 6,245 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, seramai 4,595 orang murid yang berjaya ke kelas perdana, seramai 1,162 orang murid adalah LINUS dan seramai 488 orang murid adalah tegar. Untuk saringan yang ketiga, seramai 6,273 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,641 orang murid yang lulus dan berjaya ke kelas perdana. Sebanyak 426 orang murid adalah LINUS dan sebanyak 206 orang murid adalah tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pada tahun 2011, sebanyak tiga saringan telah dijalankan. Pada saringan yang keempat, sebanyak 6,229 orang murid telah hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,843 orang murid yang berjaya ke kelas perdana. Sebanyak 272 orang murid adalah LINUS dan sebanyak 114 orang murid adalah tegar. Pada saringan yang kelima, seramai 6,234 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,996 orang murid adalah murid perdana, 183 orang murid adalah LINUS

dan seramai 55 orang murid adalah tegar. Pada saringan yang keenam, sebanyak 6,216 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,069 orang murid adalah perdana, seramai 111 orang murid adalah LINUS dan seramai 36 orang murid tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pada tahun 2012, dua saringan telah dijalankan. Saringan yang kelapan menunjukkan bahawa seramai 6,204 orang murid yang telah hadir. Daripada jumlah ini, 6,138 orang murid adalah murid perdana, 53 orang murid adalah LINUS dan seramai 13 orang murid adalah tegar. Untuk saringan yang kesembilan, seramai 6,194 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,181 orang murid adalah perdana, 10 orang murid adalah LINUS dan seramai 3 orang murid adalah tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pada tahun 2010 satu saringan numerasi telah dijalankan. Terdapat seramai 6,297 kemasukan orang murid ke Tahun 1. Daripada jumlah ini, terdapat sebanyak 6,268 orang murid yang menduduki saringan 1. Daripada dapatan, didapati bahawa seramai 5,224 orang murid yang lulus saringan 1 dan ditempatkan di kelas perdana. Manakala seramai 2,349 orang murid adalah murid LINUS dan sebanyak 383 orang murid adalah murid tegar. Untuk saringan yang kedua, terdapat seramai 6,268 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, seramai 5,224 orang murid yang berjaya ke kelas perdana, seramai 905 orang murid adalah LINUS dan seramai 139 orang murid adalah tegar. Untuk saringan yang ketiga, seramai 6,284 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,984 orang murid yang lulus dan berjaya ke kelas perdana. Sebanyak 235 orang murid adalah LINUS dan sebanyak 65 orang murid adalah tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pada tahun 2011, sebanyak tiga saringan telah dijalankan ke atas kohort 1. Pada saringan yang keempat, sebanyak 6,229 orang murid telah hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,079 orang murid yang berjaya ke kelas perdana. Sebanyak 117 orang murid adalah LINUS dan sebanyak 33 orang murid lagi adalah tegar. Pada saringan yang kelima, seramai 6,234 orang

murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,125 orang murid adalah murid perdana, 79 orang murid adalah LINUS dan seramai 30 orang murid lagi adalah tegar. Pada saringan yang keenam, sebanyak 6,216 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,141 orang murid adalah perdana, seramai 54 orang murid adalah LINUS dan seramai 21 orang murid tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pada tahun 2012, dua saringan telah dijalankan. Saringan yang kelapan menunjukkan bahawa seramai 6,204 orang murid yang telah hadir. Daripada jumlah ini, 6,166 orang murid adalah murid perdana, 29 orang murid adalah LINUS dan seramai 9 orang murid adalah tegar. Untuk saringan yang kesembilan, seramai 6,194 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,189 orang murid adalah perdana, 5 orang murid adalah LINUS dan tiada murid tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia)

Berikut merupakan laporan-laporan keputusan keseluruhan saringan LINUS Daerah Muar untuk semua jenis sekolah menurut Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Jadual 1.1 Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS (LITERASI) Daerah Muar-  
Semua Jenis Sekolah**

Tahun	Saringan	Darjah	OKU	Jumlah Murid Keseluruhan	LITERASI						
					TEGAR		LINUS		PERDANA		Bilangan hadir
					Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.
2010	1	D1	0	6,297	1,276	20.37	2,263	36.13	2,724	43.49	6,263
2010	2	D1	0	6,245	488	7.81	1,162	18.61	4,595	73.58	6,245
2010	3	D1	0	6,273	206	3.28	426	6.79	5,641	89.93	6,273
2011	4	D2	2	6,237	114	1.83	272	4.37	5,843	93.80	6,229
2011	5	D2	4	6,239	55	0.88	183	2.94	5,996	96.18	6,234
2011	6	D2	11	6,225	36	0.58	111	1.79	6,069	97.64	6,216
2011	7	D3									0
2012	8	D3	13	6,212	13	0.21	53	0.85	6,138	98.94	6,204
2012	9	D3	22	6,199	3	0.05	10	0.16	6,181	99.79	6,194

**Jadual 1.2 Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS (NUMERASI)  
Daerah Muar-Semua Jenis Sekolah**

Tahun	Saringan	Darjah	OKU	Jumlah Murid Keseluruhan	NUMERASI						
					TEGAR		LINUS		PERDANA		Bilangan hadir
					Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.
2010	1	D1	0	6,297	383	6.11	2,349	37.49	3,534	56.40	6,266
2010	2	D1	0	6,245	139	2.22	905	14.44	5,224	83.34	6,268
2010	3	D1	0	6,273	65	1.03	235	3.74	5,984	95.23	6,284
2011	4	D2	2	6,237	33	0.53	117	1.88	6,079	97.59	6,229
2011	5	D2	4	6,239	30	0.48	79	1.27	6,125	98.25	6,234
2011	6	D2	11	6,225	21	0.34	54	0.87	6,141	98.79	6,216
2011	7	D3									0
2012	8	D3	13	6,212	9	0.15	29	0.47	6,166	99.39	6,204
2012	9	D3	22	6,199	0	0.00	5	0.08	6,189	99.92	6,194

**Jadual 1.3 Laporan Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS Daerah Muar-  
Semua Jenis Sekolah**

Program	Tidak Hadir	TEGAR		LINUS		PERDANA		Hadir
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.
LITERASI	5	3	0.05	10	0.16	6,181	99.79	6,194
NUMERASI	5	0	0.00	5	0.08	6,189	99.92	6,194

Kebanyakan daripada murid-murid ini berasal daripada keluarga yang bermasalah. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di dalam keluarga adalah keadaan persekitaran itu sendiri iaitu rumahtangga atau hubungan keluarga tersebut yang tidak harmoni, masalah kewangan dan sikap penjaga yang tidak bijak mengurus murid bermasalah. Dengan ini, guru perlulah peka terhadap iklim bilik darjah yang baik. Secara tidak langsung, guru umpama ibu bapa kedua bagi murid-murid dan guru perlu mendidik murid-murid lebih daripada konteks pembelajaran di dalam bilik darjah. (Wan Muhammad Ghazali dan Sallehuddin, 2009).

Motivasi murid yang tergolong dalam murid LINUS ini adalah rendah. Dengan ini, mereka tidak mempunyai motivasi untuk belajar. Permasalahan mereka yang perlu ditangani segera ialah masalah ponteng sekolah. Kehadiran mereka ke sekolah adalah tidak memuaskan berbanding murid di kelas perdana. Ada juga di antara murid yang diletakkan dalam kelas LINUS tidak fokus kepada pembelajaran. Guru sukar untuk mengurus dan mengawal mereka kerana tingkah laku mereka di bilik darjah yang agak nakal dan sukar dikawal. Bimbingan merupakan satu proses untuk menolong murid mengenali, memahami nilai panduan atau nasihat yang boleh membantunya menyelesaikan masalah. (Syed Ismail dan Ahmad Subski, 2010)

Pemimpin dan pengurus sekolah juga tidak berpeluang menjalankan penyeliaan dan pemantauan terutama dalam menguruskan Program LINUS. Proses pemantauan bermaksud Guru Besar meronda, menyelia dan mencerap guru-guru LINUS. Proses pemantauan dan penyeliaan

bertujuan memperoleh maklumat terkini tentang kelancaran dan kualiti tugas serta memperbaiki kemahiran guru-guru yang mengajar LINUS. Namun pengurus dan pemimpin di sekolah tidak menurunkan kuasa menyelia dan memantau program LINUS kepada barisan Guru Penolong Kanan dan Guru Cemerlang bagi menyempurnakan tugas tersebut. Mereka tidak membuat proses penyeliaan mengikut apa yang dirancang dan seperti yang diamanahkan.

Proses pemantauan dan penyeliaan sangat penting terutama dalam menjayakan program LINUS. Elemen-elemen penting yang diperlukan adalah pihak-pihak berkepentingan terutamanya guru-guru LINUS, iaitu perlu fokus program LINUS dan aktiviti serta penambahbaikan berterusan terutama dalam program LINUS ini. Namun ada pengurus sekolah kurang selesa dan kurang yakin terutama ketika menyelia guru yang memegang jawatan Guru Cemerlang dan Guru Mata Pelajaran. Oleh yang demikian perlu ada perancangan program pemantauan, memantau pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan panitia mata pelajaran. Penyeliaan adalah untuk membantu guru meningkatkan mata pelajaran supaya pengajaran bertambah berkesan. (Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010)

Pencapaian sekolah tidak dapat dipertingkatkan sekiranya tiada kerjasama dan kepercayaan antara warga sekolah. Namun tanggungjawab guru semakin terbeban apabila stakeholder, ibu bapa dan pihak sekolah mahukan kejayaan yang cemerlang terutama dalam program LINUS. Guru akan rasa tertekan dan tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi sebagai seorang pendidik yang telah diamanahkan oleh pihak pengurusan. Pengurus dan pemimpin pula tidak berusaha untuk memberi insentif ataupun pujian agar guru-guru terutama guru-guru yang mengajar LINUS bersemangat untuk bekerja. Oleh itu, guru-guru hanya membuat kerja sambil lewa sahaja, tidak bekerja keras untuk membangunkan sekolah mahupun membantu pihak sekolah meningkatkan pencapaian pelajar. Guru Besar disarankan memberi tumpuan kepada aspek kemanusiaan, prihatin, menghormati pandangan individu lain dan menggalakkan penyertaan warga organisasi dalam program pendidikan. (Kajian Shahril & Rahimah Ahmad, 2010)

Sikap Guru Besar yang juga tidak memberi galakan kepada guru-guru untuk menyambung pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi sedikit sebanyak memberi impak kepada program LINUS. Sebagai pengurus sekolah pencapaian murid dalam pelajaran bergantung kepada guru-guru. Guru-guru yang tidak dinamik dan tidak berpandangan jauh didapati tidak akan dapat membantu pencapaian muridnya dalam pelajaran.

Program LINUS (Literasi) yang dijalankan tidak akan berjaya seandainya tidak ada pembangunan profesional guru dalam menjalankan tugas. Guru-guru didapati tidak dapat melaksanakan strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan yang menyeluruh dalam program LINUS. Malah didapati mereka tidak mempertimbangkan perkara-perkara seperti urutan, kaedah, pendekatan dan teknik penyampaian dalam program LINUS ini. Strategi persediaan mengajar yang kurang mantap merupakan faktor kemunduran dalam mata pelajaran. Pilihan kaedah pengajaran yang tidak sesuai akan mengakibatkan pengajaran tidak akan mencapai objektifnya. Program pembangunan profesional yang paling berkesan ialah program yang menggunakan pendekatan perubahan secara perlahan-lahan dan bertahap-tahap. Dengan adanya program pengajaran guru akan lebih mantap dan sistematik. ( Naffi Mat, 2011)

Kemahiran pengurusan bilik darjah yang berkesan sangat penting bagi mewujudkan suasana pembelajaran bilik darjah yang unggul. Tetapi maklum balas yang didapati daripada guru-guru LINUS di sekolah ialah bagi mengurus tingkah laku murid yang kian mencabar guru-guru. Segelintir guru didapati lemah dalam kawalan kelas atau tidak dapat mengawal kelas ketika pengajaran dan pembelajaran berjalan. Bagaimana seseorang guru hendak mengajar sekiranya kelas hiruk dan bising. Ada juga guru yang memberi tumpuan hanya pelajar barisan hadapan tanpa menghiraukan pelajar yang duduk di belakang. Kawalan kelas merupakan kemahiran yang mesti ada kepada setiap guru. Sekiranya kurang bersedia, kurang ilmu dan kurang yakin ketika mengajar pelajar tidak akan menghormati guru tersebut dan mereka tidak akan menunjukkan perasaan tidak puas hatinya itu dengan bising dalam kelas. (Kajian Wan Mohd Ghazali & Haji Sallehudin, 2009)



Namun yang menimbulkan persoalan akan keberkesanan modul yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru-guru dan pelajar itu sesuai dengan sukatan pelajaran dan menekankan penglibatan dan dapat membina pemikiran pelajar. Murid LINUS mempunyai latar belakang yang berbeza dan keupayaan mereka juga perlu diambil kira. Sekiranya modul LINUS yang digunakan sukar, tidak jelas serta tidak bersesuaian dengan tahap murid, maka ia akan memberi impak yang negatif. Tahap keupayaan yang berbeza memerlukan guru mempelbagai kaedah dan teknik serta menggunakan alat bantu mengajar yang menepati serta mengikut keupayaan murid. Didapati guru LINUS menghadapi kesukaran menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap pencapaian murid. Mereka sehingga kini masih belum ada alat bantu mengajar yang paling sesuai dan tepat dengan pencapaian, keupayaan dan kebolehan murid.

Penguasaan murid dalam LINUS (Literasi) masih di tahap yang tidak boleh dibanggakan. Rata-rata pelajar yang mengikuti program LINUS ini masih tidak dapat melepasi ujian yang telah ditetapkan. Masih ada murid yang dikategorikan LINUS tegar terutama murid-murid yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Murid yang berjaya melepasi ujian saringan juga tidak memberangsangkan pencapaian mereka kerana mereka berada pada tahap yang minimum syarat untuk lulus. Guru-guru juga tidak mempunyai alternatif lain kerana terikat dengan modul yang diwajibkan penggunaannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru-guru yang mengajar murid LINUS ini perlu menghabiskan sukatan pelajaran mengikut ketetapan dan menguji murid melalui ujian saringan tiga kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun dan September.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah, didapati masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam amalan Program LINUS di peringkat sekolah. Portal NKRA tidak diwujudkan bagi

menyebarkan maklumat terbaru mengenai LINUS. Sasaran peringkat kebangsaan tidak dimaklumkan kepada semua guru dan data saringan LINUS tidak disebarkan kepada guru-guru lain di sekolah. Selain daripada itu, guru-guru LINUS tidak menyediakan Headcount dan pencapaian yang ingin dicapai.

Pihak pentadbir tidak dimaklumkan mengenai maklumat terbaru LINUS. Guru-guru yang menghadiri mesyuarat tidak memaklumkan kepada pihak pentadbir tentang maklumat terbaru. Dengan ini tidak berlaku perkongsian maklumat mengenai perkembangan LINUS yang dapat dikongsi bersama dengan guru-guru lain yang turut dapat membantu di dalam pengurusan sekolah.

Mesyuarat AJK LINUS peringkat sekolah tidak diwujudkan walaupun terdapat penyelarasan yang bertanggungjawab menguruskan LINUS. Mesyuarat yang melibatkan perkongsian maklumat oleh guru-guru yang menghadiri mesyuarat atau kursus LINUS tidak diadakan. Dengan ini, guru besar dan pihak pentadbir tidak dapat mengikuti perkembangan terkini. Selain daripada itu, mesyuarat penyelarasan saringan tidak diwujudkan. Guru-guru hanya dimaklumkan untuk menjalankan saringan tetapi tidak berlaku penyelarasan. Dengan ini pelaksanaan saringan LINUS tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Pemantauan dan penilaian daripada pihak pentadbir sekolah mengenai perjalanan LINUS tidak dijalankan. Rekod persediaan dan perjalanan program LINUS tidak dipantau untuk mengetahui sejauh mana perkembangan guru dan murid-murid.

Di samping itu, guru-guru tidak mengambil inisiatif untuk mengadakan program-program untuk murid-murid ini. Dengan ini, ibu bapa tidak dipanggil untuk turut serta bersama di dalam program perkembangan sekolah. Majoriti murid ini berasal daripada keluarga yang pelbagai dan bermasalah dalam kehidupan. Murid LINUS ini juga tidak ada motivasi untuk belajar dan mereka sering tidak hadir ke sekolah. Kehadiran mereka tidak memuaskan berbanding murid di kelas perdana.

Setelah murid-murid yang dikenalpasti sebagai LINUS dihantar ke guru pemulihan, guru-guru mata pelajaran tidak berbincang mengenai perkembangan terkini murid. Ujian diagnostik tidak diadakan daripada semasa ke semasa untuk menguji sejauh mana murid-murid telah maju.

Daripada segi pembangunan sumber manusia, kursus dalaman LINUS tidak dijalankan oleh pihak sekolah. Kursus adalah penting untuk menyebarkan pengetahuan terkini tentang program LINUS dan meningkatkan pemahaman guru-guru tentang program LINUS. Daripada segi pembangunan dan penyelidikan, tidak terdapat projek khas yang diadakan oleh guru-guru. Ruang untuk mempamerkan karya guru dan murid juga tidak ada.

Pengurus sekolah tidak memberi insentif ataupun pujian agar guru-guru LINUS lebih bersemangat untuk bekerja. Ditambah pula sikap guru besar sebagai pengurus sekolah yang tidak memberi galakkan kepada guru-guru LINUS mengikuti program pertambahan ilmu. Strategi persediaan yang kurang mantap merupakan faktor kemunduran dan keciciran dalam pelajaran. Guru LINUS juga didapati tidak ada kesepaduan dalam penggabungjalinan, cara gabung jalin dan penyampaian maklumat dalam proses pembelajaran.

Didapati murid-murid tidak dapat menguasai proses pengajaran dan pembelajaran kerana terikat dengan ujian yang telah ditetapkan. Namun begitu peranan FasiLinus tidak kurang pentingnya kerana mereka merupakan penyalur maklumat kepada guru. Walau bagaimanapun, ada guru yang terlibat dengan Program LINUS tidak mengetahui maklumat terkini.

Peranan pengurus sekolah yang lebih fokus bidang pentadbiran sehingga terlepas pandang program yang patut dijalankan dalam Program LINUS. Kesannya pencapaian murid tidak memberangsangkan dalam ujian saringan yang diadakan. Pegawai FasiLinus juga perlu mengadakan bengkel kerana masih ada guru-guru yang mengajar di kelas LINUS mengajar seperti guru di kelas biasa.

#### **1.4 Objektif kajian**

Di sini disenaraikan beberapa objektif kajian yang dijalankan khusus, iaitu:

- a) Untuk mengenalpasti amalan LINUS sekolah kebangsaan di Zon Parit Bunga, Daerah Muar.
- b) Untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru-guru LINUS di Zon Parit Bunga, Daerah Muar.
- c) Untuk mengenalpasti penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memantapkan Program LINUS di Zon Parit Bunga, Daerah Muar.

#### **1.5 Persoalan kajian**

Oleh itu, kajian ini mengkaji tajuk berkaitan pengurusan LINUS oleh guru mengenai perkara berikut:

- a) Apakah amalan LINUS sekolah kebangsaan di Zon Parit Bunga, Daerah Muar?
- b) Apakah masalah yang dihadapi oleh guru-guru LINUS?
- c) Apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memantapkan Program LINUS?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan di kalangan guru–guru sekolah kebangsaan di Zon Parit Bunga, Daerah Muar. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menambah ilmu dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan berkaitan pengurusan LINUS di sekolah. Pengkaji ingin mencadangkan garis panduan ringkas tentang pengurusan LINUS yang sesuai dijalankan dan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi murid.

Kajian ini diharap dapat membantu menyalurkan maklumat yang berguna kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan pendidikan di negara kita seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Guru Besar dan para penyelidik khususnya yang mengajar LINUS (Literasi).

Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia, hasil kajian ini boleh membantu mereka merangka pembangunan Guru Besar yang dapat melatih mereka memainkan peranan sebagai pengurus dan pemimpin di sekolah dengan berwibawa dan berkesan khususnya dalam membantu mempertingkatkan pencapaian murid dan sekolah. Kajian ini juga memberi manfaat kepada Guru Besar yang sedang berkhidmat menerusi perkongsian maklumat yang boleh membantu mereka menganalisis dan seterusnya menilai corak keberkesanan yang sedang dipraktikkan di sekolah. Mereka akan mendapat input yang boleh dipraktikkan dalam mengurus warga sekolah.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan beberapa batasan. Pertama, batasan masa pengkaji memilih untuk mengecilkan jumlah sampel dan skop kajian kerana tempoh kajian yang singkat. Kedua,

batasan lokasi iaitu saiz Daerah Muar yang luas dan kedudukan sekolah-sekolah di daerah Muar yang terletak di negeri Johor. Bagaimanapun, kesemua sekolah yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji untuk tujuan ini. Kajian ini hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah Zon Parit Bunga di Daerah Muar yang dikaji. Ia tidak menggambarkan atau mewakili keseluruhan sekolah kebangsaan di luar Negeri Johor mahupun di Malaysia.

Ketiga, kajian ini terhad kepada pandangan guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Malaysia terhadap peranan Guru Besar membantu pencapaian subjek Bahasa Malaysia khususnya dalam Program LINUS (Literasi). Ia tidak melibatkan pandangan guru-guru yang mengajar subjek-subjek lain dan juga tidak melihat peranan Guru Besar membantu pencapaian subjek-subjek lain.

Keempat, pengklasifikasian sekolah sebagai pencapaian tinggi, sederhana dan rendah berasaskan subjek dibuat berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengklasifikasian ini hanya berasaskan pencapaian subjek Bahasa Malaysia dalam program LINUS sahaja dan tidak menggambarkan pencapaian sekolah secara keseluruhan. Prestasi program LINUS yang dijadikan asas bagi kajian ini dirujuk kepada saringan-saringan yang dijalankan pada tahun 2010, 2011 dan 2012.

## **1.8 Definisi Istilah**

Dalam kajian ini, definisi-definisi berikut digunakan untuk menjelaskan maksud berkenaan dengan pengurusan LINUS. Definisi tersebut ialah

### **1.8.1 LINUS**

Linus merupakan program pemulihan yang dirangka untuk membolehkan murid memperoleh asas Literasi Bahasa Malaysia dan kemahiran Numerasi (Matematik) semasa di sekolah rendah.

### **1.8.2 Amalan LINUS**

Proses kerja yang terancang dan dilaksanakan secara teratur dan sistematik agar murid memperolehi asas (Literasi-Bahasa Malaysia) dan kemahiran Numerasi (Matematik) semasa di sekolah rendah. Pengurusan LINUS dalam kajian ini merujuk kepada enam strategi pengurusan LINUS iaitu saringan murid, modul pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan amalan pedagogi, membina komitmen bagi semua pihak berkepentingan, memantau dan menyelia serta FasiLinus.

Kajian berkenaan dengan amalan LINUS juga melibatkan beberapa dimensi iaitu pengurusan matlamat, pengurusan komunikasi LINUS sekolah, pengurusan penyeliaan dan penilaian LINUS, pengurusan kurikulum, pengurusan pemantauan kemajuan murid dan pengurusan pembelajaran dan pengajaran.

### **1.8.3 Guru LINUS**

Guru LINUS ialah individu yang bertanggungjawab mendidik dan mengasuh murid yang bermasalah dalam menguasai Literasi (Bahasa Malaysia) dan Numerasi (Matematik). Guru berperanan mendidik, mengasuh, menunjuk ajar, membimbing dan memandu pelajar mencapai suatu matlamat yang telah ditetapkan berpandukan Falsafah Pendidikan Negara.

Guru LINUS juga perlu mentadbir kelas dengan baik dan sesuai dengan keperluan murid. Guru menjadi agen yang bertanggungjawab memimpin pelajar kearah pembentukan yang positif (Abdullah Sanidan Abdul Rashid Mohamed, 2007) Perwatakan dan sahsiah guru amat penting kerana mereka perlu bertanggungjawab mengatasi pelbagai masalah dalam bilik darjah iaitu dengan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan. Guru LINUS juga perlu mempunyai tujuan yang jelas dalam pengajarannya agar proses pembelajaran berkesan. (Azizul Rahman & Mohamed Saleeh, 2012)

## **1.9 Kesimpulan**

Sebuah sekolah yang cemerlang dan berkesan diterajui oleh pengurus yang cemerlang. Kecemerlangan dan keberkesanan mereka seharusnya didasari oleh keupayaan dan kemampuan menjadi pengurus dan pemimpin yang berkesan dan cemerlang. Pengurus dan pemimpin sekolah yang produktif akan sentiasa membuat jangkaan tentang perubahan yang sedang dan bakal berlaku agar sentiasa berada dalam keadaan bersedia terutama dalam meningkatkan pencapaian akademik murid yang cemerlang. Antara penekanan yang diberikan adalah aspek pencapaian akademik cemerlang, murid menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Justeru itu, pelbagai kaedah dan pendekatan yang sistematik digunakan untuk mencapai matlamat tersebut daripada modul pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan amalan pedagogi, memantau dan menyelia serta peranan fasiLinus.



## Rujukan

Abdul Rahman Bin Abdul Majid. (2010). *Kepimpinan dan Penyeliaan Instruksional dari Perspektif Pendidikan*. Perak. Penerbitan Multimedia. Sdn. Bhd.

James Ang Jit dan Balasandran. (2009). *Kepimpinan Instuksional*.  
Kuala Lumpur: Satu Panduan Praktikal. PTS Profesional.

Kamus Dewan. (2004). *Edisi Baru*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Krejcie R & Morgan, D. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*,  
*Educational and Psycological Measurement*, 30'607-610

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2010). *Pembangunan organisasi pendidikan*. Skudai. Penerbit  
UTM

Mohd. Ismail Othman. (2008). *Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar*. Kuala  
Lumpur. Publishing Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (2011). Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku Edisi Ketiga,  
Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (2011). Pedagogi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Edisi  
Kedua Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Norlela Mat Akhir. (2012). Pengurusan LINUS terhadap keupayaan literasi sekolah  
kebangsaan di Daerah Segamat. Skudai: Penerbit UTM

Roshakimah Abd Razak. (2012). Pengurusan LINUS di sekolah rendah Daerah  
Segamat, Johor. Skudai: Penerbit UTM

Syed Ismail Bin Syed Mustapha dan Ahmad Subki Bin Miskon. (2010). Kemahiran  
Belajar. Perak. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Syed Ismail Bin Syed Mustapha dan Ahmad Subki Bin Miskon. 2010. Guru Dan  
Cabaran Semasa. Perak. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Laporan LINUS Pejabat Pelajaran Daerah Muar

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). Buku Panduan Dan Pengoperasian Program Literasi Dan Numerasi (LINUS). Kementerian Pelajaran Malaysia.